

BN Mahu Menjadi Kerajaan Bertanggungjawab, Bukan Hanya Popular - Muhyiddin Bernama
5 Sept, 2013

JOHOR BAHRU, 5 Sept (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) mahu menjadi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan bukan hanya kerajaan yang popular semata-mata untuk meraih sokongan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah kerajaan menaikkan harga minyak baru-baru ini bukan bermaksud membebaskan rakyat tetapi perlu dilakukan bagi menyelamatkan ekonomi negara setelah mendapat nasihat pakar ekonomi.

"Walaupun tindakan itu agak mengejutkan tetapi ia adalah satu tindakan yang wajar, pemerhati dan penganalisis ekonomi di peringkat dunia mengatakan ia merupakan satu tindakan yang perlu dilakukan untuk pastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara maju dan membangun.

"Jika tidak dibuat langkah menurunkan sedikit subsidi itu, maka negara akan berhadapan dengan keadaan ekonomi yang meruncing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Program Semarak Kasih di Kampung Maju Jaya, Kempas di sini Khamis yang turut dihadiri isterinya Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Tiram, Datuk Maulizan Bujang serta barisan pimpinan kerajaan negeri dan lebih 3,000 penduduk dari kawasan sekitar.

Muhyiddin berkata beliau menyedari langkah kerajaan menaikkan harga minyak RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter itu tidak disenangi rakyat, malah turut menerima banyak khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada penyokong BN yang melahirkan kekecewaan terhadap langkah itu .

Namun, katanya, tindakan itu tidak dapat dielakkan berikutan keadaan ekonomi dan harga pasaran minyak yang tidak menentu, ekoran pergolakan di Asia Barat yang turut menjejaskan jumlah eksport Malaysia ke luar negara.

"Sebagai sebuah kerajaan yang telah dipilih mesti bersikap bertanggungjawab, ia tidak boleh kata Perdana Menteri (tolak kenaikan harga minyak) sebab kata nak popular, Timbalan Perdana Menteri pun tolak sebab kata nak popular.. kalau bagi percuma lagi popular.

"Jadi soal pokoknya bukan soal popular tetapi kami nak buat kerja yang betul, sebagai sebuah kerajaan mesti bertanggungjawab kami dinasihati oleh banyak pakar ekonomi sebelum mengambil langkah berkenaan," katanya.

Katanya pakar ekonomi dalam mesyuarat Dasar Fiskal Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, turut menyatakan pendapat jika kerajaan tidak mengurangkan sedikit subsidi minyak itu, pertumbuhan ekonomi akan terjejas.

Beliau berkata, ia secara langsung akan turut memberi kesan kepada dasar kerajaan BN selama ini yang telah bertahun-tahun mengamalkan dasar pro rakyat termasuk memperuntukkan RM24 billion setahun bagi tujuan subsidi pelbagai barangan keperluan

rakyat.

Menurutnya selama ini subsidi minyak disediakan kerajaan bukan hanya dinikmati golongan kurang berkemampuan malah semua pihak termasuk rakyat asing yang bekerja di negara ini dan keadaan itu berbeza dengan negara lain yang hanya memberikan subsidi minyak kepada golongan miskin.

"Jadi sebab itu kita kurangkan subsidi dan dapat jimatkan RM3.3 bilion setahun dan wang itu dibelanjakan semula oleh kerajaan dalam bentuk Bantuan Rakyat 1Malaysia," katanya.

Dalam masa yang sama, katanya, kerajaan juga tidak meminggirkan golongan pertengahan dan sedang mengkaji langkah terbaik yang boleh diambil untuk membantu mengurangkan beban yang ditanggung mereka.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri turut menunjukkan kebolehan memasak sambal goreng iaitu satu menu wajib untuk nasi ambeng, makanan tradisi masyarakat Jawa di Johor sebelum bersama-sama rakyat mencuba makanan itu selepas majlis itu .

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975446>